

## **Praktis PT3 Bahagian A**

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Sudah tiga kali sekolah saya \_\_\_\_\_ pertandingan bahas pada peringkat daerah.  
A memperoleh      C menakluki  
B menggondol      D memenangi
2. Bola yang disepak oleh adik Aqmal \_\_\_\_\_ lalu terjatuh ke dalam kolam.  
A berpusing      C bergolek  
B berjalan      D berlegar
3. Nisha sering \_\_\_\_\_ untuk mengacara majlis rasmi dan majlis makan malam syarikat-syarikat korporat.  
A diundang      C dibuat  
B dicapai      D dipamer
4. Abang Iqram suka membaca majalah yang \_\_\_\_\_ dengan bidang sains dan teknologi.  
A bertalian      C bersambung  
B berkaitan      D bercampur
5. Dalam sidang media itu, Pengarah Pendidikan negeri Pahang telah \_\_\_\_\_ keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia bagi tahun ini.  
A menghebohkan      C menjelaskan  
B mengumumkan      D menerangkan
6. Amirul memandu kereta ke rumah Alif di Gombak \_\_\_\_\_ alamat yang diberikan oleh kawannya itu.  
A berteraskan      C berasaskan  
B berpandukan      D bersandarkan

## **Praktis PT3** Bahagian B

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan yang betul** pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

1. "Kamu perlu cari jalan untuk mengatasi masalah ini," kata ayah kepada abang.  
\_\_\_\_\_
2. Puan Lim membawa ibunya bersiar-siar di taman untuk tenangkan hati ibunya itu.  
\_\_\_\_\_
3. Ayah dan ibu sering menasihatkan Aqmal supaya belajar dengan bersungguh-sungguh.  
\_\_\_\_\_
4. Nasi lemak yang dijerang oleh ibu tadi belum masak lagi.  
\_\_\_\_\_
5. Sekembalinya dari kebun, Pak Cik Senan berehat di ruang tamu sambil memanjangkan kakinya.  
\_\_\_\_\_
6. Pokok tembikai susu yang ditanam oleh ayah menyusur ke luar pagar.  
\_\_\_\_\_